

PBB meterai perjanjian 'bersejarah' lindungi perairan antarabangsa

BH 12/8/2023 ms: 23

Negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) minggu lalu bersetuju berhubung teks mengenai perjanjian antarabangsa pertama melindungi laut lepas, selepas hampir dua dekad tergendala.

Perjanjian itu dilihat penting untuk dasar 30X30 iaitu memulihara 30 peratus daratan dan lautan menjelang 2030, seperti yang dipersetujui kerajaan seluruh dunia dalam perjanjian bersejarah yang ditandatangani di Montreal pada Disember lalu.

Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres, turut memuji perwakilan dan menurut seorang jurucakap, perjanjian itu adalah kemenangan untuk multilateralisme dan usaha global menentang trend merosakkan yang dihadapi kesihatan lautan ketika ini dan untuk generasi akan datang.

Laut lepas bermula di sempadan zon ekonomi eksklusif negara, yang menjangkau sehingga 200 batu nautika (370 kilometer) dari garis pantai dan tidak berada di bawah bidang kuasa mana-mana negara.

Perjanjian Laut Lepas itu merangkumi lebih daripada 60 peratus lautan dunia dan hampir separuh permukaan bumi, ia tidak banyak diberi perhatian berbanding perairan pesisir pantai atau membabitkan beberapa spesies ikonik.

Ekosistem lautan mencipta separuh daripada oksigen yang manusia perlukan untuk bernafas dan menghadkan pemanasan global dengan menyerap banyak karbon dioksida yang dikeluarkan oleh aktiviti manusia.

Ancaman iklim, pencemaran

Bagaimanapun, ekologi ini diancam oleh perubahan iklim, pencemaran dan penangkapan ikan yang berlebihan, dengan hanya kira-kira satu peratus daripada laut lepas dilindungi pada masa ini.

Apabila perjanjian baharu berkuat kuasa, ia akan membenarkan penciptaan kawasan perlindungan marin di perairan antarabangsa ini.

Perjanjian itu juga akan mewajibkan negara

Perjanjian Laut Lepas itu merangkumi lebih daripada 60 peratus lautan dunia dan hampir separuh permukaan bumi, ia tidak banyak diberi perhatian berbanding perairan pesisir pantai atau membabitkan beberapa spesies ikonik.

menjalankan penilaian kesan alam sekitar terhadap aktiviti yang dicadangkan di laut lepas.

Bab yang sangat sensitif mengenai perkongsian manfaat potensi sumber marin yang baru ditemui menjadi antara satu titik tumpuan ketegangan sebelum dapat diatasi minggu lalu.

Jika diimbaz kembali, persetujuan yang dicapai perwakilan Persidangan Antara Kerajaan mengenai Biodiversiti Marin Kawasan Di Luar Bidang Kuasa Negara atau lebih dikenali dengan singkatan BBNJ, adalah kemuncak perbincangan dikendalikan PBB yang bermula pada 2004.

Ia penting untuk mencapai matlamat membabitkan lautan dan sasaran Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan dan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal.

Komitmen lindungi laut

Sementara itu, Persidangan Lautan Kita yang berlangsung di Panama 2 hingga 3 Mac lalu membuat 341 komitmen bernilai hampir AS\$20 bilion, termasuk biaya mengembangkan dan menambah baik kawasan perlindungan marin dan koridor biodiversiti.

Satu pengumuman penting dari Panama adalah ikrar untuk melindungi lebih daripada 54 peratus kawasan marinnnya.

Delegasi antarabangsa yang menghadiri Persidangan Lautan Kita itu pada 2 hingga 3 Mac lalu menjanjikan berbilion-bilion dolar untuk melindungi lautan.

Persidangan Lautan Kita sebelumnya menjana lebih daripada 1,800 komitmen bernilai kira-kira AS\$108 bilion.

Kementerian Alam Sekitar Panama juga menyatakan pada persidangan itu bahawa negara itu berhasrat untuk menghentikan lebih daripada 160,000 tan plastik daripada diimport dan digunakan di negara itu dengan menghapuskan plastik sekali guna seperti cawan dan perkakas, pembungkusan plastik dan plastik.

Komitmen lain datang daripada pertubuhan amal Bloomberg Philanthropies dan Arcadia, yang menubuhkan dana bernilai AS\$51 juta bagi membantu menyokong Orang Asli dan komuniti tempatan (IPLC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan.

Perikatan pertubuhan, yayasan dan penderma persendirian juga komited untuk menderma AS\$5 juta untuk membantu negara membangun menyertai perjanjian laut lepas yang sedang dirundingkan dan akhirnya dipersetujui di New York yang berlangsung pada masa sama dengan Persidangan Lautan Kita.

Gabungan kumpulan, dikenali sebagai *Connect to Protect Eastern Tropical Pacific Coalition*, juga mengumumkan komitmen AS\$118.5 juta dana swasta dan awam untuk mengukuhkan perlindungan marin Koridor Marin Tropika Timur Pasifik (CMAR), kawasan merangkumi lebih 500,000 kilometer persegi perairan sangat produktif dan biodiversiti di Ecuador, Colombia, Panama serta Costa Rica.

Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah juga menjanjikan jumlah yang besar, masing-masing kira-kira AS\$6 bilion dan AS\$865 juta untuk membantu melindungi biodiversiti marin. AGENSI

